

## A. SYARAT-SYARAT UMUM

Syarat-syarat umum yang mesti dipatuhi oleh penyelidik untuk semua jenis GUP adalah seperti keterangan berikut:

1. Pemohon mestilah **terdiri daripada staf UTM** (warganegara / bukan warganegara). Bagi pemohon yang terdiri daripada staf UTM yang berstatus kontrak (warganegara / bukan warganegara), sekurang-kurangnya seorang ahli penyelidik mestilah terdiri daripada staf UTM berstatus tetap dan warganegara Malaysia.
2. Staf yang sedang **bercuti belajar** adalah **tidak layak** membuat permohonan GUP sehinggalah tamat tempoh cuti belajar.
3. Ketua Projek yang melanjutkan pelajaran, berpindah Universiti atau tamat perkhidmatan semasa memegang jawatan sebagai Ketua Projek hendaklah melepaskan jawatan tersebut untuk diketuai atau diambil alih oleh penyelidik lain dari kumpulan penyelidik berkenaan dengan mendapat perakuan Research Alliance (RA) berkaitan. Maklumat pertukaran ketua projek atau penambahan ahli penyelidik baru mestilah dimaklumkan secara bertulis kepada RMC untuk kelulusan.
4. Jumlah peruntukan yang dipohon mestilah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan bagi sesuatu geran tersebut.
5. Ketua Projek hanya dibenarkan mengetuai **SATU (1)** projek penyelidikan sahaja di bawah GUP sama ada Projek Penyelidikan Tier 1 atau Tier 2 pada suatu masa. Walau bagaimanapun, permohonan projek baru akan dipertimbangkan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek GUP terdahulunya pada kadar 75 % dan pencapaian KPI bagi projek tersebut. Projek baru hanya akan diaktifkan setelah laporan akhir diterima bagi projek GUP terdahulu.
6. Staf akademik dibenarkan menghantar satu (1) permohonan sahaja untuk projek penyelidikan Tier 1 dan satu (1) permohonan sahaja untuk projek penyelidikan Tier 2 pada suatu masa.
7. GUP boleh dipohon oleh Penyelidik yang tidak mempunyai geran aktif jika penyelidik telah menghantar permohonan geran penyelidikan kepada penaja luar (MOSTI, MOHE dll) dalam tempoh 6 bulan sebelum memohon GUP.

8. Ketua Projek yang mempunyai geran dalam negara atau geran luar negara yang masih aktif adalah layak memohon GUP dengan syarat projek penyelidikan tersebut mematuhi peraturan penyelidikan sedia ada dan perkembangan / kemajuan projek adalah memuaskan.
9. Ketua Projek yang tidak menghantar laporan akhir bagi projek penyelidikan yang telah tamat tempoh adalah TIDAK LAYAK sama sekali untuk memohon GUP.
10. Staf Akademik yang memilih opsyen 70% Penyelidikan dan 30% Pengajaran akan diberikan keutamaan dalam penawaran GUP.
11. Ketua Projek yang telah diluluskan sesuatu GUP dikehendaki menandatangani Borang Perakuan Ketua Projek.
12. Permohonan perlanjutan tempoh (tidak melebihi 6 bulan) untuk semua jenis geran hanya dibenarkan **SATU (1)** kali di sepanjang tempoh projek penyelidikan tersebut.
13. Jumlah Peruntukan diagihkan secara tahunan berasaskan prestasi projek penyelidikan berkenaan. Pengagihan seterusnya hanya akan dibuat setelah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 75%.
14. Hasil Penyelidikan yang dijalankan akan menjadi Intellectual Property (IP) Universiti.
15. Perlantikan GRA atau RSG dan RO/ ARO/ RA adalah dari kalangan warganegara Malaysia sahaja.
16. **Semua permohonan GUP hendaklah dihantar kepada Research Alliance (RA) untuk penilaian kecuali Geran Penggalakan Inovasi dihantar terus ke RMC untuk penilaian dan kelulusan.**